

BAB 4

ANALISA DATA

Bab ini menjelaskan mengenai jawapan kajian yang dianalisis dan cuba menjawab persoalan kajian yang telah di kemukakan dalam bab terdahulu. Daripada 75 responden yang dipilih hanya 55 responden yang mengembalikan borang soal – selidik kepada pengkaji. 37 guru lelaki dan 18 orang guru perempuan.

4.1. Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf Di Sekolah.

4.1.1. Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf – Mengkaji keperluan Mengenai Program.

Keputusan Kajian mengenai persepsi guru terhadap peranan pengetua dalam mengkaji keperluan mengenai program perkembangan staf adalah seperti dalam jadual 4.1.

Dalam Jadual tersebut 96.4% guru bersetuju bahawa pengetua berperanan dalam mengkaji akan keperluan guru menyertai program bersesuaian dengan

program yang ditawarkan agar program yang hendak dicapai akan mencapai matlamat yang diinginkan dan 94.5% bahawa pengetua berperanan menyatakan apa yang diharapkan dicapai oleh guru melalui program perkembangan staf.

Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa 96.4% guru bersetuju pengetua perlu mengkaji akan minat dan pandangan guru dalam menyertai program perkembangan staf, selain dari 98.5% guru bersetuju pengetua perlu mengkaji akan keperluan sekolah dicapai melalui penyertaan guru apa lagi dengan perubahan dengan teknologi maklumat yang semakin maju mendesak akan keprihatinan pihak pentadbir mengkaji dan mengendalikan program tersebut.

Bagaimanapun hanya 58.2% guru bersetuju bahawa pengetua merupakan orang yang paling tahu jenis program yang paling sesuai untuk guru-guru di sekolah, ini kerana pengetua adalah orang yang paling tahu dan paling dekat dengan para guru di sekolah. Dengan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah di sekolah yang biasanya merumitkan para pengetua untuk mengatasinya.

Oleh itu , jadual tersebut menunjukkan dan menggambarkan bahawa majoriti guru mempunyai persepsi yang positif mengenai peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf di sekolah, khususnya dalam mengkaji akan keperluan berkaitan dengan program tersebut , supaya mencapai matlamat sesebuah institusi pendidikan.

Jadual 4.1

**Analisis Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan
Perkembangan Staf - Mengkaji Keperluan Mengenai Program.**

(N= 55)

Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Jumlah
Pengetua berperanan dalam mengkaji akan keperluan guru menyertai program bersesuaian dengan program yang ditawarkan.	1.8% (1)	1.8% (1)	96.4% (53)	100% (N=55)
Pengetua berperanan menyatakan apa yang diharapkan dicapai oleh guru melalui perkembangan staf.	1.8% (1)	3.6% (2)	94.5% (52)	100% (N=55)
Pengetua perlu mengkaji akan minat dan pandangan guru dalam menyertai program perkembangan staf.	1.8% (1)	1.8% (1)	96.4% (53)	100% (N=55)
Pengetua perlu mengkaji akan keperluan sekolah dicapai melalui penyertaan guru dalam program perkembangan staf.	-	1.8% (1)	98.5% (54)	100% (N=55)
Pengetua merupakan orang yang paling tahu jenis program yang paling sesuai untuk guru-guru di sekolah.	21.8% (12)	20.0% (11)	58.2% (32)	100% (N=55)

4.1.2. Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf – Merancang Program

Jadual 4.2 menunjukkan para guru mempunyai persepsi bahawa pengetua berperanan merancang program perkembangan staf berdasarkan kelayakan, minat, kemahiran dan pencapaian guru iaitu 83.6%. Selain dari itu, 92.7% guru berpersepsi bahawa pengetua patut merancang program berdasarkan matlamat sekolah dan pendidikan.

Dalam merancang Program perkembangan staf di sekolah, jadual ini menunjukkan bahawa 92.7% guru merasakan bahawa pengetua mestilah melibatkan guru-guru bagi menghasilkan kesan baik.

Daripada jadual ini, sebahagian besar guru berpersepsi bahawa para pengetua patut memainkan peranan dalam merancang program perkembangan staf dan juga menekankan betapa pentingnya penglibatan guru dalam merancang program di sekolah.

Jadual 4.2

**Analisis Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan
Program Perkembangan Staf – Merancang Program.**

(N=55)

Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Jumlah
Pengetua berperanan merancang program perkembangan staf berdasarkan kelayakan, minat,kemahiran dan pencapaian guru.	7.3% (4)	9.1% (5)	83.6% (46)	100% (N=55)
Pengetua patut merancang program perkembangan staf berdasarkan matlamat sekolah dan pendidikan.	1.8% (1)	5.5% (3)	92.7% (51)	100% (N=55)
Dalam merancangkan program perkembangan staf di sekolah, pengetua mestilah melibatkan guru-guru bagi menghasilkan kesan yang baik.	3.6% (2)	3.6% (2)	92.7% (51)	100% (N=55)

4.1.3. Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf – Melaksanakan Program.

Jadual 4.3 menggambarkan dalam melaksanakan program tersebut. 36.4% guru berpersepsi bahawa jika ianya dianjurkan oleh sekolah, program tersebut sepatutnya dilaksanakan pada hari persekolahan.

Seramai 92.7% guru bersetuju bahawa mereka patut membantu pengetua melaksanakan program perkembangan staf di sekolah. Para guru juga menyokong penglibatan Penolong Kanan, Ketua Jabatan dan Ketua Panatia dalam melaksanakan program tersebut di sekolah iaitu 94.5%.

Seterusnya Jadual ini juga menunjukkan hanya 61.8% guru bersetuju pengetua sekadar mengatur program yang sesuai kepada guru dan tidak terlibat secara langsung dalam melaksanakan program perkembangan staf.

Dapatlah dirumuskan dari Jadual ini bahawa program perkembangan staf yang dianjurkan oleh pihak sekolah patut di adakan pada hari persekolahan dan bukan hari cuti persekolahan ini mungkin di sebabkan para guru dapat bersama-sama dengan keluarga masing-masing akibat terlalu banyak tekanan kerja di sekolah sejak akhir-akhir ini. Pengetua juga boleh memainkan peranan secara langsung dalam melaksanakan program perkembangan staf diperingkat sekolah.

Jadual 4.3

**Analisis Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan
Program Perkembangan Staf - Melaksanakan Program
(N= 55)**

Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Jumlah
Program- program dianjurkan oleh sekolah sepatutnya dilaksanakan pada hari-hari bukan persekolahan.	54.5% (30)	9.1% (5)	36.4% (20)	100% (N=55)
Guru -guru patut membantu pengetua melaksanakan program perkembangan staf di sekolah.	1.8% (1)	5.5% (5)	92.7% (51)	100% (N=55)
Penglibatan Penolong Kanan, Ketua Jabatan dan Ketua Panitia perlu dalam melaksanakan program perkembangan staf di sekolah.	1.8% (1)	3.6% (2)	94.5% (52)	100% (N=55)
Pengetua sepatutnya mengatur program yang sesuai kepada guru dan tidak terlibat secara langsung melaksanakan program perkembangan staf.	25.5% (14)	12.7% (7)	61.8% (34)	100% (N=55)

4.1.4 Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf – Membuat Penilaian Mengenai Program.

Jadual 4.4 menunjukkan hanya 78.2% guru berpendapat pengetua adalah orang yang paling layak menilai prestasi guru selepas menyertai program perkembangan staf. Para guru juga bersetuju dengan 92.7% bahawa pengetua perlu mendapat pandangan Penolong Kanan, Ketua Jabatan atau Ketua Panatia sebelum menilai guru yang menyertai program. Selain daripada itu guru juga bersetuju dengan 83.6% bahawa pengetua harus membenarkan Penolong Kanan, Ketua Kanan , Ketua Jabatan atau Ketua Panatia menilai prestasi guru yang menyertai program tersebut.

Para guru juga berpendapat bahawa pengetua sepatutnya meminta maklumbalas dari guru mengenai kesan program ke atas mereka dengan 92.7%, manakala 80.0% guru bersetuju pengetua harus menilai guru selepas melihat prestasi kerja guru yang menyertai program ini.

Sebagai rumusan berdasarkan jadual tersebut menunjukkan bahawa dalam membuat penilaian prestasi guru yang menyertai program,pandangan dan penilaian pihak lain seperti Penolong Kanan, Ketua Jabatan atau Ketua Panatia adalah mendapat sokongan besar para guru sekolah. Para guru juga mengharap pengetua mendapatkan maklumbalas daripada mereka mengenai kesan program dan menilai mereka selepas melihat prestasi kerja guru yang menyertai program ini.

Jadual 4.4

Analisa Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program

Perkembangan Staf – Penilaian Mengenai Program.

(N= 55)

Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Jumlah
Pengetua adalah orang yang paling layak menilai prestasi guru selepas menyertai program perkembangan staf.	12.7% (7)	9.1% (5)	78.2% (43)	100% (N=55)
Pengetua sepatutnya meminta maklumbalas dari guru mengenai kesan program tersebut ke atas mereka.	-	7.3% (4)	92.7% (51)	100% (N=55)
Pengetua harus menilai guru selepas melihat prestasi kerja guru yang menyertai program perkembangan staf.	5.5% (3)	14.5% (8)	80.0% (44)	100% (N=55)
Pengetua harus mendapat pandangan Penolong Kanan, Ketua Jabatan atau Ketua Panatia sebelum menilai guru yang menyertai program perkembangan staf.	1.8% (1)	9.1% (5)	89.1% (49)	100% (N=55)
Pengetua harus membenarkan Penolong Kanan, Ketua Jabatan atau Ketua Panatia menilai prestasi guru yang menyertai program perkembangan staf.	3.6% (2)	12.7% (7)	83.6% (46)	100% (N=55)

4.1.4. Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf – Memberi Dorongan.

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa 96.4% guru bersetuju pengetua memberi mereka dorongan menyertai mana-mana program perkembangan staf yang diminatinya dan 96.4% para guru berpendapat pengetua seharusnya memberi sokongan sepenuhnya kepada mereka untuk menunjukkan diri serta tidak terhad kepada program perkembangan staf dan 70.5% guru merasakan pengetua tidak seharusnya menyediakan program yang sama yang pernah disertai oleh guru.

Walau bagaimanapun 94.5% guru berpendapat pengetua seharusnya peka terhadap masalah guru yang tidak dapat menyertai program perkembangan staf. Namun demikian para guru iaitu 83.6% bersetuju bahawa pengetua memberi lebih banyak peluang kepada guru-guru baru menyertai program perkembangan staf di peringkat sekolah.

Sebagai rumusan, jadual ini menunjukkan sebilangan besar guru bersetuju bahawa pengetua boleh memainkan peranan dalam memberi sokongan dan dorongan serta peluang kepada mereka. Bagaimanapun mereka mengharapkan pengetua memahami masalah mereka jika para guru tidak dapat menyertai program tersebut. Selain daripada pengetua memberi banyak peluang kepada guru-guru baru bagi meningkatkan lagi profesionalisme perguruan.

Jadual 4.5**Analisa Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program****Perkembangan Staf – Memberi Dorongan**

(N= 55)

Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Jumlah
Pengetua sepatutnya memberi dorongan kepada guru menyertai mana-mana program perkembangan staf.	1.8% (1)	1.8% (1)	96.4% (53)	100% (N=55)
Pengetua mestilah menyebarkan sebarang maklumat berkaitan perkembangan staf kepada guru.	1.8% (1)	3.6% (2)	94.5% (52)	100% (N=55)
Pengetua seharusnya peka terhadap masalah guru yang tidak dapat menyertai program perkembangan staf.	-	5.5% (3)	94.5% (52)	100% (N=55)
Pengetua tidak menyediakan program yang sama atau yang pernah di sertai guru.	10.9% (6)	18.7% (10)	(70.9) (39)	100% (N=55)
Pengetua memberi banyak peluang kepada guru-guru baru berkhidmat untuk menyertai program perkembangan staf.	14.5% (8)	1.8% (1)	83.6% (46)	100% (N=55)
Pengetua seharusnya memberi sokongan sepenuhnya kepada guru-guru untuk memajukan dirinya tidak terhad kepada program perkembangan staf di sekolah sahaja.	-	3.6% (2)	96.4% (53)	100% (N=55)

4.2. HUBUNGAN ANTARA FAKTOR-FAKTOR JANTINA, UMUR, KELULUSAN, BILANGAN TAHUN MENGAJAR DAN MINAT MENGAJAR DENGAN PERSEPSI GURU TERHADAP PERANAN PENGETUA DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM PERKEMBANGAN STAF DI SEKOLAH.

4.2.1. Hubungan Antara Jantina Dengan Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf Di Sekolah.

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa 86.5 % guru lelaki bersetuju pengetua boleh memainkan peranan tersebut berbanding dengan 2.7% yang tidak bersetuju. Sementara 100% guru perempuan bersetuju mengenai peranan pengetua dalam perkembangan staf.

Ujian Chi-square ($\chi^2 = 2.676, df=2$) menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara faktor jantina dengan persepsi guru terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf.

Oleh itu, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara guru lelaki dan guru perempuan mengenai persepsi mereka terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf.

Jadual 4.6

**Hubungan Antara Jantina Dengan Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua
Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf Di Sekolah**
(N= 55)

Persepsi Guru Mengenai Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program	Jantina Guru	
	Lelaki	Perempuan
Tidak Setuju	2.7% (1)	-
Tidak Pasti	10.8% (4)	-
Setuju	86.5% (32)	100% (18)
Jumlah	100% (37)	100% (18)

Chi- Square =2.676 DF=2 N=55

4.2.2. Hubungan Antara Umur Dengan Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf Di Sekolah.

Jadual 4.7 menunjukkan bahawa di kalangan guru berumur 20 – 30 tahun 85.7% bersetuju pengetua memainkan peranan dalam perkembangan staf berbanding 14.3% yang tidak bersetuju. Sementara di kalangan guru berumur 31 – 40 tahun 71.4% bersetuju pengetua memainkan peranan tersebut berbanding 10.7% yang tidak bersetuju. Di kalangan mereka yang berumur 41 tahun ke atas 80.0% guru bersetuju berbanding 15.0% yang tidak bersetuju.

Ujian Chi-square ($\chi^2 = 3.031$, df=4) mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang antara umur dengan persepsi guru terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf.

Oleh itu, jadual ini memberi gambaran bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara guru-guru mengikut peringkat umur mereka dengan persepsi mereka terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan perkembangan staf di sekolah.

Jadual 4.7**Hubungan Antara Umur Dengan Persepsi Guru Terhadap peranan Pengetua****Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf Di Sekolah.**

Persepsi Guru Mengenai Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program	Umur Guru		
	20 – 30 Tahun	31 - 40 Tahun	41 Tahun Ke atas
Tidak Setuju	14.3% (1)	10.7% (3)	15.0% (3)
Tidak Pasti	-	17.9% (5)	5.0% (1)
Setuju	85.7% (6)	71.4% (20)	80.0% (16)
Jumlah	100% (7)	100% (28)	100% (20)

Chi -Square =3.031 DF=4 N= 55

4.2.3. Hubungan Antara Kelulusan Dengan Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Pembangunan Staf Di Sekolah.

Jadual 4.8 menunjukkan 55.0% guru bukan siswazah bersetuju pengetua boleh memainkan peranan tersebut berbanding dengan 32.5% yang tidak bersetuju. Sementara 66.7% guru siswazah bersetuju pengetua memainkan peranan dalam melaksanakan program berbanding 26.7% yang tidak bersetuju.

Ujian Chi-square ($\chi^2 = 0.716$, df=2) menunjukkan bahawa tiada hubungan antara faktor kelulusan dengan persepsi guru terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf.

Ini menggambarkan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara persepsi guru siswazah dan bukan siswazah terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf di sekolah.

Jadual 4.8

**Hubungan Antara Kelulusan Dengan Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua
Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf Di Sekolah.**

Persepsi Guru Mengenai Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program	Kelulusan Guru	
	Bukan Siswazah	Siswazah
Tidak Setuju	32.5% (13)	26.7% (4)
Tidak Pasti	12.5% (5)	6.7% (1)
Setuju	55.0% (22)	66.7% (10)
Jumlah	100% (40)	100% (15)

Chi Square = 0.716

DF= 2

N = 55

4.2.4. Hubungan Antara Bilangan Tahun Mengajar Dengan Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf Di Sekolah.

Jadual 4. 9 menunjukkan bahawa di kalangan guru yang mengajar kurang 10 tahun 80.0% bersetuju pengetua berperanan dalam perkembangan staf berbanding 20.0% yang tidak bersetuju. Di kalangan guru yang berpengalaman 10 – 20 tahun mengajar 92.6% bersetuju pengetua boleh memainkan peranan dalam perkembangan staf berbanding dengan 7.4% yang tidak bersetuju. Sementara di kalangan guru yang mempunyai lebih 20 tahun pengalaman, 66.7% bersetuju berbanding dengan 16.7% tidak bersetuju.

Dalam ujian Chi-square ($\chi^2 = 8.294$, $df=4$) mendapati bahawa tidak terdapat hubungan antara bilangan tahun mengajar dengan persepsi guru terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf.

Ini memberi gambaran bahawa tiada hubungan yang signifikan mengikut pengalaman bilangan tahun mengajar guru dengan persepsi mereka terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembanganstaf di sekolah.

Jadual 4.9

**Hubungan Antara Bilangan Tahun Mengajar Dengan Persepsi Guru Terhadap
Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf Di Sekolah.**

Persepsi Guru Mengenai Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program	Bilangan Tahun Mengajar		
	Kurang 10 Tahun	10 – 20 Tahun	Lebih 20 Tahun
Tidak Setuju	20.0% (2)	7.4% (2)	16.7% (3)
Tidak Pasti	-	-	16.7% (3)
Setuju	80.0% (8)	92.6% (25)	66.7% (12)
Jumlah	100% (10)	100% (27)	100% (18)

Chi Square = 8.294 DF= 6

4.2.5. Hubungan Antara Minat Mengajar Dengan Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf Di Sekolah.

Dalam jadual 4.10 menggambarkan guru yang bertambah minat mengajar 97.3% bersetuju pengetua memainkan peranan tersebut. Sedangkan yang tidak bersetuju tidak dinyatakan , ini bermakna hampir semua guru menyokong berbanding dengan tidak pasti sebanyak 2.7 %. Di kalangan guru yang minat mereka sama saja 81.8%. Sementara guru yang bersetuju pengetua memainkan peranan dalam program perkembangan staf ialah 100% dan tiada yang tidak bersetuju.

Ujian Chi-square ($\chi^2 = 5.483$, $df=4$) mendapati bahawa tidak terdapat hubungan antara minat mengajar dengan persepsi guru terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf.

Jadual ini menggambarkan bahawa minat mengajar guru tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan persepsi mereka terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf di sekolah.

Jadual 4.10

Hubungan Antara Minat Mengajar Dengan Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program Perkembangan Staf Di Sekolah.

Persepsi Guru Mengenai Peranan Pengetua Dalam Melaksanakan Program	Minat Mengajar		
	Bertambah	Sama Saja	Berkurangan
Tidak Setuju	-	9.1 (1)	-
Tidak Pasti	2.7% (1)	9.1 (1)	-
Setuju	97.3% (36)	81.8% (9)	100% (7)
Jumlah	100% (37)	100% (11)	100% (7)

Chi – Square = 5.483

DF= 4